

Kepentingan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Perkembangan Kognitif Kanak-Kanak Prasekolah

(The Importance of Parental Involvement in Cognitive Development of Preschool Children)

Christina Sim Pei Pei^{1,2*}, Mazlina Che Mustafa³, Aggenes Tona Antonius⁴, Mulyati Timbang⁵

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Terbuka Malaysia, Selangor, Malaysia

² Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara, UPSI, Perak, Malaysia

³ Fakulti Pembangunan Manusia, UPSI, Perak, Malaysia

⁴ Jabatan Sains Sosial, IPGK, Tawau, Malaysia

⁵ Jabatan Sains Sosial, IPGK, Tawau, Malaysia

*Pengarang Koresponden: christinasimpp@gmail.com

Received: 20 January 2024 | Accepted: 5 March 2024 | Published: 31 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.29>

Abstrak: *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah menekankan aspek bekerjasama dengan ibu bapa secara meluas dalam anjakan ke-9. Kerjasama bersama ibu bapa telah dilihat menjadi salah satu keperluan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi menerokai sejauh mana kepentingan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Penglibatan ibu bapa menjadi satu keperluan yang dituntut bersama pada zaman era globalisasi ini. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka sejauh mana kepentingan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Reka bentuk penyelidikan adalah kajian kes tunggal bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang kepentingan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Persampelan bertujuan adalah terdiri dalam kalangan ibu bapa prasekolah. Kaedah temu bual, pemerhatian dan dokumentasi digunakan untuk prosedur pengumpulan data. Analisis tematik mewujudkan tiga tema, antaranya adalah tanggungjawab, bekerjasama dan penglibatan aktif. Dapatan kajian mendapati ibu bapa sanggup melaksanakan tanggungjawab dalam membimbing dan mendidik pembelajaran anak-anak, memantau pembelajaran anak-anak, melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti prasekolah termasuk menyediakan sumber pembelajaran anak-anak. Kesimpulannya, kajian ini mendapati penglibatan ibu bapa memainkan peranan penting dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Implikasi kajian adalah untuk menekankan kepentingan kerjasama antara ibu bapa dan guru prasekolah untuk menyokong perkembangan kognitif dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.*

Kata Kunci: Kepentingan Penglibatan, Penglibatan Ibu Bapa, Perkembangan Kognitif

Abstract: *The Malaysian Education Development Plan 2013–2025 has emphasized the aspect of working with parents extensively in the 9th shift. Cooperation with parents has been seen as one of the requirements in early childhood education. Therefore, this study was carried out to explore the extent of the importance of parental involvement in the cognitive development of preschool children. Parental involvement has become a common requirement in today's era of*

globalization. The objective of this study is to explore the extent of the importance of parental involvement in the cognitive development of preschool children. This study uses a qualitative approach. The research design is a single-case study to gain a deeper understanding of the importance of parental involvement in the cognitive development of preschool children. Purposive sampling is made up of preschool parents. Interview, observation, and documentation methods are used for data collection procedures. The thematic analysis established three themes, among which are responsibility, cooperation, and active involvement. The findings of the study found that parents are willing to carry out their responsibilities in guiding and educating their children's learning, monitor their children's learning, and actively involve themselves in every preschool activity, including providing children's learning resources. In conclusion, this study reports that parental involvement plays an important role in the cognitive development of preschool children. The implication of the study is to emphasize the importance of collaboration between parents and preschool teachers to support cognitive development in preschool children.

Keywords: Importance Of Involvement, Parental Involvement, Teaching and Cognitive Development

1. Pendahuluan

Penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah merupakan kunci utama kepada anak-anak mencapai prestasi kejayaan yang lebih besar di sekolah, meningkatkan keyakinan diri serta kemahiran sosialisasi yang lebih baik. Penglibatan ibu bapa merupakan salah satu unsur penting dalam membentuk masa depan anak-anak. Dalam zaman era globalisasi kini, peranan ibu bapa tidak hanya terhenti untuk menyediakan keperluan asas fisiologi tetapi mereka juga harus melibatkan diri secara aktif dalam semua aspek kehidupan anak-anak. Penglibatan ibu bapa secara aktif dan positif akan memberikan impak pada perkembangan kognitif, afektif dan sosial. Namun demikian, kajian-kajian lalu tidak bersandarkan kepada bidang pendidikan awal kanak-kanak tetapi hanya bersandarkan kepada kajian ke atas penglibatan ibu bapa dalam bidang pendidikan rendah dan pendidikan menengah (Boswell, 2021; Cui et al., 2021; Kamal et al., 2020; Murillo & Hernández-Castilla, 2020; Oates, 2017; Otani, 2020). Selain itu, kajian-kajian lalu dilaksanakan dalam bentuk pendekatan kuantitatif. Justeru kajian ini dilaksanakan bagi mengisi jurang kajian-kajian lalu.

Penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah adalah salah satu tanggungjawab mereka yang tidak boleh diabaikan. Antara penglibatan ibu bapa yang aktif adalah memantau pembelajaran anak. Penglibatan ibu bapa dalam memantau pembelajaran anak adalah penting kerana mereka merupakan guru terawal dan pertama bagi setiap anak, malahan pendidikan terawal yang diterima oleh setiap anak adalah bermula dari rumah iaitu semenjak bayi lagi. Ibu bapa memikul tanggungjawab dalam membimbing dan mendidik anak. Namun demikian, sebilangan ibu bapa menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab ke atas guru prasekolah untuk membimbing dan mendidik anak mereka (Poe, 2015; Smetana, 2017). Selaras dengan kajian Bailey (2017) menekankan ibu bapa tidak sepatutnya melepaskan tangan untuk melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran anak mereka. Dalam masa yang sama, ibu bapa juga perlu mewujudkan ruang komunikasi dua hala bersama guru prasekolah serta memberikan dorongan positif dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran anak yakni secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah secara seimbang dan menyeluruh (Boonk et al., 2018).

Penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah dapat membentuk landasan kehidupan anak-anak (McDowell et al., 2018). Penglibatan ibu bapa secara aktif dalam perkembangan anak tidak hanya memberikan mereka peluang untuk kejayaan akademik, tetapi juga membentuk individu yang berdaya maju dan bertanggungjawab (Sabaruddin & Rosnidar, 2018). Oleh itu, amat penting bagi ibu bapa untuk menyedari peranan mereka dan memastikan penglibatan yang positif demi masa depan yang cerah bagi anak-anak.

Kepentingan penglibatan ibu bapa adalah untuk bekerjasama dengan guru dan ibu bapa lain untuk membantu kanak-kanak mencapai matlamat pendidikan (Bunujevac et al., 2017). Penglibatan ibu bapa menyumbang kepada peningkatan dalam perkembangan kanak-kanak, pembelajaran anak, pendidikan dan pencapaian akademik. Ia diketahui memberi manfaat kepada kedua-dua kanak-kanak dan ibu bapa. Justeru, ibu bapa perlu didedahkan dengan kepentingan penglibatan mereka yakni ia dapat menggalakkan beberapa aspek perkembangan kanak-kanak yang berbeza, termasuk perkembangan kognitif, peningkatan prestasi akademik, peningkatan kemahiran sosial dan harga diri yang lebih tinggi. Namun demikian, kajian Lorence et al. (2019) dan Mandhu Sudharshan (2019) melaporkan penglibatan ibu bapa dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah adalah kurang. Justeru, perkembangan kognitif, afektif dan pembentukan tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak prasekolah adalah jauh berbeza berbanding dengan ibu bapa yang melibatkan diri dalam perkembangan kognitif anak mereka.

Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti

- i. Kepentingan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah
- ii. Aspek kepentingan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah

Persoalan Kajian

- i. Sejauh mana kepentingan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah?
- ii. Apakah aspek kepentingan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah?

2. Kajian Lepas

Penglibatan Ibu Bapa Kanak-Kanak Prasekolah

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menekankan dalam Anjakan ke-9 bahawa penglibatan ibu bapa, komuniti dan pihak swasta dalam memperkasakan sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memulakan langkah dalam meningkatkan usaha penglibatan ibu bapa dalam pengajaran dan pembelajaran agar dapat meningkat pencapaian prestasi akademik kanak-kanak. Justeru, ibu bapa, keluarga, komuniti dan prasekolah harus meningkatkan usaha sama dalam kerjasama merealisasikan sasaran PPPM 2013-2025.

Núñez et al. (2015) menyatakan penglibatan ibu bapa tidak hanya berlaku di prasekolah, malahan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah turut boleh berlaku semasa di rumah. Kekurangan kerjasama bersama guru prasekolah dalam menyediakan ruang persekitaran pembelajaran di rumah akan menjejaskan perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Ruang persekitaran pembelajaran di rumah yang selesa dan kondusif dapat mendorong anak-anak lebih bermotivasi mengikuti pembelajaran, menyiapkan

tugas prasekolah serta membuat ulangkaji pembelajaran di prasekolah (Bunujevac et al., 2017). Kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan diri dalam pengajaran dan pembelajaran samada di sekolah mahupun di rumah dapat membantu perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah secara seimbang dan menyeluruh (Pribesh et al., 2020).

Bunujevac dan Durisic (2017); Hamlin dan Flessa (2018) serta Otani (2020) turut membuktikan penglibatan ibu bapa secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat mengetahui perkembangan semasa anak. Ibu bapa akan memperolehi informasi terkini berkaitan dengan tahap perkembangan anak serta masalah pembelajaran anak semasa di sekolah. Justeru, ibu bapa dapat berbincang dengan guru prasekolah untuk mencari jalan penyelesaian bersama sebelum ia menjadi lebih mudarat. Selain itu, ibu bapa juga mendapat maklumat terkini berkaitan dengan ilmu pendidikan awal kanak-kanak prasekolah berkaitan dengan pendekatan dan kaedah terini dalam membimbing anak dalam pengajaran dan pembelajaran semasa di rumah. Kajian-kajian tersebut menekankan bahawa ibu bapa tidak boleh menafikan bahawa kepentingan penglibatan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan perkembangan kognitif secara seimbang dan menyeluruh. Namun, akibat terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa terhadap penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif secara tidak langsung mereka tidak dapat memberikan dorongan dan sokongan sepenuhnya dalam perkembangan kognitif (Dighe & Seiden, 2020). Antara cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa adalah mempunyai tugas hakiki menyebabkan kekurangan masa untuk melibatkan diri dalam perkembangan kognitif anak mereka (Hornby & Blackwell, 2018; Savacool, 2011).

Gibson (2021), Lim dan Wong (2020), Nusser (2021) dan Ribeiro et al. (2021) melaporkan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah melalui komunikasi dua hala turut dapat membina keyakinan sendiri yang positif, membentuk keperibadian positif, menerapkan nilai-nilai murni kanak-kanak. Selain itu, penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah juga dapat mewujudkan perhubungan positif bersama guru prasekolah dan anak-anak. Namun sedemikian, kajian Lorence et al. (2019) melaporkan ibu bapa mempunyai cara interaksi dan kaedah penglibatan yang berlainan secara tidak langsung telah menyekat ruang komunikasi secara terbuka bersama anak mereka. Ruang komunikasi dua hala yang positif antara ibu bapa, guru prasekolah serta kanak-kanak prasekolah memainkan peranan penting dalam membantu perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Hal ini lebih ketara kelihatan semasa pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di rumah ketika berlakunya pandemik COVID-19 di mana ibu bapa terpaksa membuka ruang komunikasi bersama anak sepanjang masa terutama membimbing anak dalam pembelajaran (Onyema et al., 2020).

Paezah dan Faridah (2017) serta Raden et al. (2021) turut menekan bahawa pada peringkat kanak-kanak prasekolah memerlukan perhatian sepenuhnya dari pelbagai pihak terutamanya ibu bapa. Penglibatan ibu bapa dalam pengajaran dan pembelajaran anak secara tidak langsung dapat membantu perkembangan kognitif kanak-kanak secara seimbang dan menyeluruh. Turut disokong dalam kajian Aman et al. (2019) dan Cashman et al. (2021) melaporkan bahawa penglibatan ibu bapa secara aktif dalam setiap aktiviti prasekolah dapat meningkatkan perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor anak secara seimbang dan menyeluruh. Namun terdapat kajian melaporkan ibu bapa kurang melibatkan diri secara tidak langsung ia telah melambatkan perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah (Bunujevac et al., 2017; Dettmers et al., 2019; Hornby & Blackwell, 2018; Jackson, 2010; Jeziarski & Wall, 2019; Lim & Wong, 2020; Mishra, 2018; State University, 2021). Ekoran dari kekurangan prihatin ibu bapa menjadi kurang mengambil berat terhadap perkembangan kognitif anak mereka.

Perkembangan Kognitif Kanak-Kanak Prasekolah

Penglibatan ibu bapa secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah namun terdapat segelintir ibu bapa kurang melibatkan diri (Bunujevac & Durisic, 2017). Kekurangan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah secara tidak langsung akan melambatkan perkembangan mereka (Murillo & Hernández-Castilla, 2020). Masalah ini tidak akan terhenti di peringkat prasekolah namun akan berlanjutan sehingga ke peringkat pendidikan seterusnya malahan berterusan sehingga ke peringkat umur kanak-kanak meningkat ke alam remaja (Bunujevac et al., 2017; Dettmers et al., 2019; Hornby & Blackwell, 2018; Jackson, 2010; Jezierski & Wall, 2019; Lim & Wong, 2020; Mishra, 2018; State University, 2021).

Boyle dan Benner (2020); Hoover-dempsey (2010) dan Tran (2019) menekankan ibu bapa bukan sekadar menyediakan pendidikan sahaja namun mereka perlu melibatkan diri dalam pengajaran dan pembelajaran anak. Penglibatan ibu bapa dalam pengajaran dan pembelajaran secara tidak langsung dapat memberi motivasi kepada anak, membimbing dan membantu menyelesaikan masalah dalam pembelajaran. Dalam kajian Cui et al. (2021) melaporkan ibu bapa yang kurang memberikan sokongan dalam pembelajaran secara tidak langsung telah menjatuhkan prestasi pencapaian pembelajaran anak. Justeru penglibatan ibu bapa memainkan peranan penting sebagai salah satu aspek memotivasikan anak dalam pembelajaran.

Ibu bapa merupakan guru pertama bagi anak-anak justeru pendidikan awal kanak-kanak adalah bermula dari rumah sejak dilahirkan sehingga mereka memasuki ke alam persekolahan tidak formal seterusnya ke pendidikan perdana (Powell, 1991; State University, 2021). Maka tanggungjawab ibu bapa adalah menjadi *role model* kepada anak-anak mereka sejak kecil, mendidik dan mengasuh dengan penuh kasih sayang serta memberikan perhatian sepenuhnya ke atas keperluan anak. Sokongan dan dorongan ibu bapa sejak bayi secara tidak langsung menjadi asas kejayaan anak di prasekolah sehingga peringkat lebih tinggi (Cui et al., 2021; Hughes & Devine, 2019; Maldonado Torres, 2019). Namun, kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan penglibatan mereka dalam pendidikan awal kanak-kanak masih berkurangan. Ibu bapa kurang mengambil perhatian sepenuhnya dalam perkembangan anak sejak bayi dan tidak dapat menunjukkan *role model* yang positif (Thomas et al., 2019)

Model Penglibatan Ibu Bapa Epstein

Model penglibatan ibu bapa Epstein terpilih bagi menyokong penulisan kajian ini dalam meneroka sejauh mana kepentingan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Model penglibatan ibu bapa Epstein merangkumi enam elemen keibubapaan (*Parenting*), komunikasi (*Communication*), sukarelawan (*Volunteering*), pembelajaran di rumah (*Learning at home*), pembuat keputusan (*Decision making*) dan kolaborasi dengan komuniti (*Collaboration with community*) (Epstein, 2001). Pengkaji memilih empat elemen iaitu keibubapaan, komunikasi, sukarelawan dan pembelajaran di rumah untuk menyokong kajian ini.

Epstein (2002) menjelaskan bahawa kerjasama bersama ibu bapa memainkan peranan penting untuk membentuk dan melahirkan kanak-kanak prasekolah yang berkompentensi serta meningkatkan perkembangan kognitif secara seimbang dan menyeluruh. Model penglibatan ibu bapa Epstein yang dicadangkan tidak memainkan peranan sebagai keperluan hierarki namun ia dikategorikan sebagai keperluan elemen dalam rangka kerja untuk mewujudkan perhubungan positif antara ibu bapa dengan guru prasekolah (Joy Caño et al., 2016).

Model penglibatan ibu bapa Epstein menyarankan pelbagai elemen penglibatan ibu bapa untuk membantu perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor kanak-kanak prasekolah (Epstein, 2002). Penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah memainkan peranan lebih penting berbanding dengan penglibatan guru prasekolah kerana tahap penglibatan guru prasekolah hanya terhad pada suatu jangka masa jika berbanding dengan tahap penglibatan ibu bapa adalah suatu jangka masa panjang (Hamlin & Flessa, 2018). Komitmen penglibatan ibu bapa adalah sepanjang hayat berbanding guru prasekolah hanya berlaku dalam tempoh persekolahan kanak-kanak prasekolah (Lara & Saracostti, 2019).

Keibubapaan (*Parenting*)

Keibubapaan dalam model penglibatan ibu bapa Epsteins adalah menjurus kepada penglibatan ibu bapa secara aktif dalam pembelajaran anak (Epstein, 2001). Penglibatan ibu bapa dapat dilihat melalui membimbing dan mendidik anak dalam proses pembelajaran semasa di rumah seperti memantau kerja sekolah anak, menyediakan jadual pembelajaran dan sebagainya (Epstein, 2002). Ibu bapa digalakkan melibatkan diri dalam proses pembelajaran anak mengikut tahap kemampuan masing-masing kerana tidak semua ibu bapa mempunyai kemahiran pedagogi untuk membimbing dan mendidik anak (Joy Caño et al., 2016). Selain itu, keibubapaan dalam model penglibatan ibu bapa Epstein adalah membantu guru prasekolah mengenal pasti latar belakang kanak-kanak prasekolah serta membantu mempertingkatkan kesediaan pembelajaran kanak-kanak prasekolah ketika di prasekolah mahupun di rumah (Núñez et al., 2015).

Pembelajaran di Rumah (*Learning at Home*)

Pembelajaran di rumah dalam model penglibatan ibu bapa Epstein adalah menjurus kepada penglibatan ibu bapa dalam membantu anak-anak semasa pembelajaran ketika di rumah (Epstein, 2001). Penglibatan ibu bapa adalah melalui pendedahan pengalaman kehidupan realiti kanak-kanak dan dikaitkan dengan pembelajaran di prasekolah (Epstein, 2002). Ibu bapa boleh merancang pelbagai aktiviti yang berkesinambungan dengan pengajaran di prasekolah (Núñez et al., 2015). Justeru kanak-kanak prasekolah dapat mengaitkan setiap pengalaman yang didedahkan dengan pembelajaran. Penglibatan ibu bapa secara aktif dalam aktiviti pembelajaran di rumah turut menggalakkan ibu bapa berinteraksi dengan anak mereka secara tidak langsung dapat meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah (Paezah & Faridah, 2016).

Komunikasi (*Communication*)


Komunikasi dalam model penglibatan ibu bapa Epstein adalah menjurus kepada komunikasi di antara ibu bapa dan guru prasekolah melalui pelbagai kaedah (Epstein, 2001). Ibu bapa dan guru prasekolah berkomunikasi secara lisan atau bukan lisan bertujuan untuk menyalurkan maklumat berkaitan dengan perkembangan pembelajaran anak di sekolah mahupun di rumah. melalui komunikasi, ibu bapa dan guru prasekolah dapat mengenal pasti masalah pembelajaran yang dihadapi anak. Justeru, ibu bapa dan guru prasekolah saling berbincang untuk mencari kaedah yang bersesuaian untuk menyelesaikan masalah pembelajaran anak (Lara & Saracostti, 2019). Secara tidak langsung penglibatan ibu bapa dapat kelihatan melalui komunikasi bersama guru prasekolah bagi membantu meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah.

Sukarelawan (*Volunteering*)

Sukarelawan dalam penglibatan ibu bapa Epstein adalah menjurus kepada ibu bapa melibatkan diri secara sukarela dalam pelbagai aktiviti prasekolah agar dapat membantu dan mempermudah tugas guru prasekolah (Epstein, 2001). Epstein (2018) menjelaskan ibu

bapa boleh melibatkan diri untuk membantu dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti program besar-besaran seperti program sijil tamat persekolahan, program sukaneka, program gotong royong keceriaan prasekolah dan sebagainya. Selain itu, penglibatan ibu bapa sebagai sukarelawan dalam perkongsian kepakaran ibu bapa untuk menyampaikan sesuatu ilmu pengetahuan yang baru atau di luar kepakaran guru prasekolah bagi kanak-kanak prasekolah. Contohnya kepakaran penjagaan kesihatan gigi, kepakaran memadam api dan sebagainya. Secara tidak langsung, kanak-kanak memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran yang baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

Rajah 1 menunjukkan kerangka teoritikal bagi kajian kepentingan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah.



Rajah 1: Kerangka Teoritikal

3. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kes tunggal yang menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif menggunakan kaedah kajian kes tunggal ini bagi mendapatkan maklumat mengenai permasalahan kajian secara mendalam. Selaras dengan pandangan Chua (2014) menyatakan kaedah kajian kes merupakan metodologi yang ideal bagi penyelidikan secara mendalam dan menyeluruh. Kaedah kajian kes merupakan satu persoalan imperikal bagi menyiasat sesuatu fenomena dalam konteks sebenar dengan kaedah temu bual, pemerhatian dan dokumentasi untuk memperoleh data. Triangulasi data dilaksanakan bagi transkrip temu bual, analisis pemerhatian dan analisis dokumentasi bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian (Chua, 2014). Persampelan bertujuan digunakan untuk mengumpul data di mana peserta kajian terdiri dari sekumpulan sampel yang dipilih khusus secara spesifik serta bertepatan kriteria yang ditetapkan pengkaji digunakan dalam kajian ini (Chua, 2014).

4. Rekabentuk Kajian

Reka bentuk kajian satu kajian kes diaplikasikan untuk mengumpul data dan mentafsir data secara sistematik. Dalam konteks kajian ini pengkaji hanya menggunakan salah satu kaedah pengumpulan data iaitu temu bual untuk mendapatkan maklumat mengenai permasalahan kajian (Yin, 2014). Kutipan kajian kes adalah lebih mendalam dapat membantu pengkaji

memperolehi data yang lebih terperinci. Catatan pemerhatian dan analisis dokumen peribadi peserta kajian bagi mengumpul maklumat bagi menjawab persoalan kajian (Creswell & Creswell, 2018).

Kajian kes tunggal dipilih kerana pengkaji berminat untuk meneroka, membuat interpretasi dan mendapat pemahaman lebih mendalam tentang sesuatu kes, bukan untuk menguji sesuatu hipotesis. Dengan menumpukan kepada satu fenomena atau entiti, matlamat pengkaji adalah untuk meneroka interaksi faktor-faktor tersebut. Kajian kes memfokuskan kepada deskripsi dan penerangan yang holistik yang pemboleh ubah fenomena yang dikaji tidak mungkin dapat dipisahkan daripada konteksnya.

5. Dapatan Kajian dan Perbincangan


Demografi Peserta Kajian

Jadual 1 menunjukkan demografi peserta kajian yang terpilih. Seramai lapan orang peserta kajian di mana terdapat empat orang lelaki dan empat orang perempuan. Seramai empat orang kanak-kanak prasekolah pernah bersekolah sebelum mendaftar di prasekolah manakala empat orang kanak-kanak tidak mempunyai pengalaman bersekolah.

Jadual 1: Demografi Peserta Kajian

Kod Peserta kajian (PK)	Jantina	Anak pernah bersekolah sebelum mendaftar di prasekolah
PK 1	Lelaki	Ya
PK 2	Perempuan	Ya
PK3	Perempuan	Tidak
PK 4	Perempuan	Tidak
PK 5	Lelaki	Tidak
PK 6	Lelaki	Tidak
PK 7	Lelaki	Ya
PK 8	Perempuan	Ya

Rajah 2 menunjukkan dapatan kajian yang memperolehi empat tema utama untuk menjawab persoalan kajian iaitu sejauh mana kepentingan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Tema yang diperolehi adalah tanggungjawab, bekerjasama, perhubungan yang positif dan penglibatan aktif. Manakala sub tema bagi tema utama adalah bertanggungjawab dalam membimbing dan mendidik, bekerjasama dalam memantau dan menyediakan bahan pembelajaran, perhubungan yang positif melalui komunikasi dua hala dan perbincangan, serta penglibatan aktif dalam aktiviti prasekolah.



Rajah 2: Tema

Tanggungjawab

Hasil dapatan kajian bersama peserta kajian, ibu bapa mengetahui kepentingan tanggungjawab terhadap penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Ibu bapa harus memikul tanggungjawab dalam melibatkan diri sebagai guru pertama bagi anak-anak mereka semasa di rumah. Tanggungjawab ibu bapa adalah membimbing dan mendidik pembelajaran anak semasa di rumah. Guru prasekolah bertanggungjawab mendedahkan pelbagai pengalaman dan menyampaikan pengajaran maka ibu bapa perlu mengambil peranan sebagai guru pertama anak mereka untuk membimbing dan mendidik pembelajaran anak semasa di rumah. Ibu bapa bertanggungjawab memastikan tugas prasekolah yang diberikan siap dilaksanakan. Antara hasil temu bual dalam dapatan kajian adalah seperti;

“ ... kita sebagai ibu bapa tidak boleh melepaskan tanggungjawab macam itu sahaja untuk guru prasekolah mengajar anak kita sepenuhnya. Kita la sebagai ibu bapa kena mengajar anak kita tu semasa di rumah. Endakan guru tu ikut anak kita balik ke rumah dan ajar..” (PK 1)

“ ... memang penting. Kita kan mak bapa kepada anak . Mak bapa ajar anak tu di rumah supaya jadi pandai. Amak saya dua tahun di prasekolah. Makin lama makin pandai pula anak saya tu, Awal-awal dulu saya jaga semua kerja sekolah dia sekarang ini tidak payah sudah saya jaga.” (PK 2)

“...Namanya anak kita bah itu, kita lah bantu cikgu ajar anak kita jadi laju dia maju dalam pelajaran. Jangan pula kita ni sebagai mak bapa main lepas tangan kasi cikgu tu. Siapa lagi nak bantu anak kita tu kasihanmak bapa la main tanggungjawab tu kan.” (PK 3)

“ ... penting tu mak bapa ajar anak. kita yang bawa dia ke dunia ini. Jika kita tak tau tu kepentingan tanggungjawab mak bapa, anak tu jadi bodoh lah, Nanti apa pula jadi sama anak kita tu, makin bodoh la tu kan. Anak pun nanti jadi malas dan tak mau belajar la pula.” (PK 4)

“... anak ni masih kecil bah, jadi dari masa dia mau belajar mula bercakap sudah saya ajar dia la cakap, baca abc. Bagi saya lah, anak tu kita yang punya jadi kita kena la ajar dia adab kah. Jadi masa dia masuk sekolah nanti tidak lah bodoh sangat. Saya ni ajar sikit-sikit, apa yang saya faham saja la. Kita ni mak dia bapa dia kena la tau apa kerja kita tu nak ajar anak. tanggungjawab kan.” (PK 8)

Berdasarkan hasil dapatan kajian di atas, ibu bapa sedar bahawa penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah memainkan peranan penting. Ibu bapa tidak boleh melepaskan tanggungjawab kepada guru prasekolah namun perlu memikul tanggungjawab bersama dalam membimbing dan mendidik anak. Dapatan kajian turut menunjukkan sekiranya ibu bapa tidak melaksanakan tanggungjawab dalam membimbing dan mendidik maka anak akan ketinggalan dalam pembelajaran. Selaras dengan kajian Boyle dan Benner (2020); Hoover-dempsey (2010) dan Tran (2019) bersetuju penglibatan ibu bapa dalam pengajaran dan pembelajaran akan memberikan motivasi untuk anak serta dapat bantu menyelesaikan masalah pembelajaran. Secara tidak langsung ia dapat meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak.

Turut disokong oleh model penglibatan ibu bapa Epstein seperti yang dinyatakan dalam elemen keibubapaan, ibu bapa yang melibatkan diri dalam pengajaran dan pembelajaran anak secara tidak langsung akan memberikan motivasi dalam perkembangan kognitif anak (Epstein, 2002). Selain daripada guru prasekolah, ibu bapa adalah merupakan guru pertama dalam dunia

pendidikan anak-anak (Powell, 1991; State University, 2021). Justeru, tanggungjawab ibu bapa adalah mengasuh dan mendidik anak dengan penuh kasih sayang sejak baik secara tidak langsung telah memberikan pendidikan asas secara tidak formal dan menjadi asas kejayaan anak pada masa akan datang (Hughes & Devine, 2019; Maldonado Torres, 2019). Bertentangan dengan kajian-kajian Boswell (2021), Cui et al. (2021), Kamal et al. (2020), Murillo dan Hernández-Castilla (2020), Oates (2017) dan Otani (2020) hanya bersandarkan kepada kajian penglibatan ibu bapa dalam bidang pendidikan rendah dan pendidikan menengah, sebaliknya pendidikan awal kanak-kanak turut mementingkan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif.

Bekerjasama

Hasil dapatan bersama peserta kajian menyatakan ibu bapa mengetahui kepentingan memberikan kerjasama dalam penglibatan ibu bapa untuk perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Ibu bapa bukan setakat menghantar anak ke prasekolah sahaja namun mereka perlu memberikan kerjasama sepenuhnya kepada guru prasekolah untuk perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Antara bentuk kerjasama yang dinyatakan dalam hasil dapatan adalah melalui memantau dan menyediakan bahan pembelajaran semasa di rumah. Selain itu, mereka juga memberikan kerjasama dalam bentuk menyediakan bahan pembelajaran yang diperlukan untuk proses pengajaran di prasekolah.

Kesemua peserta kajian mengetahui kepentingan terhadap penglibatan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran untuk perkembangan kognitif anak-anak mereka. Salah satu bentuk kesediaan adalah kesediaan dari aspek membantu memantau pembelajaran anak-anak semasa berada di rumah. Berikut adalah hasil dapatan peserta kajian menyatakan penglibatan mereka melalui membimbing dan mendidik pembelajaran anak semasa berada di rumah. Antara dapatan temu bual yang menyatakan bentuk kerjasama adalah seperti;

“ ...cikgu kan kerja dia mengajar di sekolah sahaja, jadi mak bapa la membantu cikgu mengajar anak tu di rumah. Sama sama la kita kerjasama dengan cikgu tu bantu ajar anak.” (PK 1)

“... saya ni tolong ajar anak menulis, buat kerja sekolah yang dia tidak tau, ajar la sikit-sikit mana yang saya tau. Anak sendiri bah tu, tidak rugi juga kita mengajar. Yang pandai nanti anak kita juga.” (PK 2)

“ ...anak ini tidak pandai berfikir sangat juga. Bila minta ajar, ajar la bah anak itu. Anak tu masih kecil, mau kita bantu ajar, tolong-tolong tengokkan apa dia buat.namanya mak dia kasihan. Kadang cikgu dia tu minta tolong juga ajar-ajar anak itu, saya bagi la kerjasama sama cikgu tu ajar anak sendiri.” (PK 3)

“ ...saya ni, balik saja anak tu dari sekolah saya sudah tanya dia apa dia belajar dan apa kerja rumah dia. Saya kena la tengok apa dia buat di sekolah dan kena la siap di rumah jika ada kerja rumah. Apa saja cikgu suruh saya ikut. Kena la ikut dengar cakap cikgu supaya anak tu pandai. Ada tu satu bilik untuk dia buat kerja sekolah. Dalam bilik tu semua ada saya simpankan supaya senang dia belajar.” (PK 4)

“... kita pantau la anak tu kalau di rumah. Di sekolah cikgu dia la lagi ajar dia. Sama sama kita bagi kerjasama dengan cikgu. Bimbing anak tu. Tidak susah juga bah tu abc 123 saja kan.” (PK 5)

“...kami ini bukan pandai sangat. Tapi boleh la ajar jika kalua tengokkan tulisan cantik dan bacaan buku. Jika saya tak senang bapa dia la bantu tengokkan. Jika bapa dia kerja saya la ajar anak tu di rumah. Kalau di sekolah cikgu dia lagi bantu ajar. Macam itu. Kadang cikgu dia minta barang macam bawa tepung ke saya belikan saja. Dia mau pakai kan di sekolah untuk belajar dia juga.” (PK 6)

“... saya kalau di rumah saya sediakan dia satu meja untuk belajar jadi adik adik dia tidak kacau la.” (PK 7)

“... kita ni kena la pastikan anak buat kerja rumah sampai siap. Kena pantau anak-anak baca buku dan menulis. Kalau cikgu minta apa apa bantuan saya bagi kerjasama sepenuhnya juga.” (PK 8)

Berdasarkan hasil dapatan kajian di atas, ibu bapa mengetahui kepentingan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Kerjasama dalam kalangan ibu bapa dalam penglibatan mereka secara tidak langsung dapat membantu perkembangan kognitif kanak-kanak. Selaras dengan dapatan kajian Núñez et al. (2015) melaporkan bahawa penglibatan ibu bapa tidak semestinya berlaku di prasekolah sahaja, namun penglibatan ibu bapa boleh berlaku semasa di rumah. Tanpa kerjasama ibu bapa secara tidak langsung akan melambatkan perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Pemantauan ibu bapa terhadap pembelajaran anak semasa di rumah dan pemyediaan ruang pembelajaran amat penting bagi mendorong minat anak belajar (Pribesh et al., 2020). Wujudnya minat belajar kanak-kanak prasekolah secara tidak langsung dapat membantu perkembangan kognitif mereka. Dapatan ini turut disokong dengan kajian Bunujevac et al. (2017) yang menyatakan ruang pembelajaran di rumah yang selesa dan kondusif dapat mendorong dan memotivasikan mengikuti pembelajaran, menyiapkan tugas prasekolah serta membuat ulangkaji pembelajaran di prasekolah.

Dapatan kajian turut disokong elemen model penglibatan ibu bapa Epstein iaitu pembelajaran di rumah yang menjelaskan penglibatan ibu bapa adalah membantu pembelajaran anak-anak ketika di rumah (Epstein, 2001). Pembelajaran di rumah bukan semata-mata memantau kerja anak semasa di rumah tetapi penglibatan ibu bapa adalah melalui pendedahan pengalaman kehidupan realiti kanak-kanak dan dikaitkan dengan pembelajaran di prasekolah (Epstein, 2002). Bertentangan dengan kajian Thomas et al. (2019) yang menyatakan ibu bapa kurang menyedari kepentingan penglibatan mereka dalam pendidikan awal kanak-kanak justeru mereka kurang mengambil perhatian sepenuhnya dalam perkembangan kognitif anak sejak bayi dan tidak dapat menunjukkan *role model* yang positif.

Perhubungan Yang Positif

Hasil dapatan kajian bersama peserta kajian turut menunjukkan ibu bapa mengetahui perhubungan yang positif memainkan peranan penting terhadap penglibatan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran untuk perkembangan kognitif anak-anak mereka. Ibu bapa kanak-kanak prasekolah perlu mewujudkan komunikasi dua hala dengan guru prasekolah agar mengetahui perkembangan anak dari semasa ke semasa. Komunikasi dua hala memainkan peranan penting antara ibu bapa dan guru prasekolah untuk bagi mengetahui informasi dan perkembangan kognitif terkini dalam masa yang sama menyelesaikan masalah pembelajaran anak. Antaranya dapatan data adalah;

“...saya ni suka menyibuk apa anak saya belajar dan buat di sekolah. Takut nanti anak saya nakal ke, bergaduh ke. Jadi saya suka sms sama cikgu tu tanya anak saya tu nakal atau

tidak. Memang la juga saya tanya juga macam belajar anak saya. Kena la rajin rajin sms tanya cikgu.” (PK 1)

“... mak bapa harus la selalu tunjuk muka di sekolah jadi nampak kita ni ambil berat sama anak di sekolah. Jika anak ada masalah kita la sebagai mak bapa kena gi sekolah tanya apa masalah anak dan bincang sama cikgu dia. Mana tau anak tu bergaduh ke, sakit ke kena la ambil tahu kan.” (PK 6)

Berdasarkan hasil dapatan kajian di atas, ibu bapa mengetahui kepentingan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Perhubungan yang baik dalam kalangan ibu bapa dalam penglibatan mereka secara tidak langsung dapat membantu perkembangan kognitif kanak-kanak. Selaras dengan dapatan kajian Gibson (2021), Lim dan Wong (2020), Nusser (2021) dan Ribeiro et al. (2021) menyatakan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah melalui komunikasi dua hala dapat membina keyakinan sendiri yang positif, membentuk keperibadian positif, menerapkan nilai-nilai murni kanak-kanak. Perhubungan yang positif bersama guru prasekolah memainkan peranan penting kerana ibu bapa dapat mengetahui masalah pembelajaran anak dari semasa ke semasa dan berbincang dengan guru prasekolah untuk menyelesaikan masalah pembelajaran anak (Ribeiro et al., 2021).

Disokong dengan model penglibatan ibu bapa Epstein dalam elemen komunikasi yang menjelaskan komunikasi di antara guru prasekolah bersama ibu bapa melalui pelbagai kaedah dapat menyampaikan maklumat perkembangan anak dari semasa ke semasa. Kepentingan penglibatan ibu bapa dalam elemen komunikasi lebih ketara kelihatan ketika berlakunya pandemik COVID-19 di mana ibu bapa hanya boleh berkomunikasi bersama guru secara dalam talian untuk berbincang dan menyelesaikan masalah pembelajaran anak di rumah (Onyema et al., 2020). Bertentangan dengan kajian Lorence et al. (2019) menyatakan kaedah interaksi dan penglibatan ibu bapa yang berlainan akan menyekat ruang komunikasi bersama anak serta guru prasekolah. Ibu bapa mempunyai kaedah interaksi tersendiri apabila bersama anak menyebabkan belakunya kekurangan persefahaman dan takut untuk merujuk masalah pembelajaran. Justeru, Epstein (2001) menggalakan ibu bapa dan guru prasekolah perlu sentiasa berkomunikasi secara lisan atau bukan lisan bagi bertujuan untuk menyalurkan maklumat terkini perkembangan pembelajaran anak di sekolah agar dapat mengenal pasti masalah pembelajaran yang dihadapi anak.

Penglibatan Ibu Bapa Yang Aktif

Hasil dapatan kajian bersama peserta kajian kepentingan melibatkan diri secara aktif dalam semua aktiviti prasekolah seperti gotong royong, sukaneka, hari terbuka dan sebagainya. Penglibatan ibu bapa secara aktif adalah merupakan salah satu bentuk kerjasama dan menjalinkan perhubungan baik sesama guru prasekolah. Penglibatan aktif dalam kalangan ibu bapa bukan setakat membantu membimbing dan mendidik pembelajaran anak semasa di rumah, namun penglibatan aktif ibu bapa secara fizikal turut memainkan peranan penting bagi memberi dorongan dan sokongan secara mental untuk perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Aspek penglibatan aktif dalam aktiviti prasekolah ini adalah dilakukan dalam bentuk secara langsung mahupun tidak langsung untuk memberikan motivasi anak dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Contohnya mengikuti aktiviti gotong royong, menjadi sukarelawan di acara sukaneka, hari terbuka dan sebagainya. Berikut adalah hasil dapatan kajian yang melaporkan penglibatan aktif ibu bapa dalam kajian. Antaranya;

“...bantu guru kan dalam pelajaran anak ke, gotong royong ke, sukan ke, apa saja la semuanya sangat penting dan ibu bapa perlu ikut sama.” (PK 1)

“ Macam bila di sekolah saya akan luangkan masa untuk mengikuti aktiviti macam gotong royong ke, sukan ke, macam tu la.” (PK 3)

“... apa saja aktiviti yang dianjurkan oleh sekolah saya akan sentiasa memberikan sokongan sepenuhnya. Saya suri rumahtangga sepenuhnya jadi senang saya bergerak ke sekolah bila-bila masa. Banyak sudah saya ikut macam membantu memasak pada hari terbuka sekolah, sukaneka dan banyak lagi lah. Kadang saya pergi awal ke sekolah saya bantu la menyapu lantai diluar kelas. tidak juga kita rug ikan. Untuk anak kita. Untuk anak lain juga.” (PK 7)

“... saya ni jika senang datang lah saya tu. Saya kan bekerja jadi susah sikit. Tapi jika perlu sangat macam anak saya ikut lari di sukan sekolah saya ambi cuti. Nak bagi sokongan la bah juga. Mau tunjuk muka yang mak dia ni selalu di sisi dia.” (PK 8)

Berdasarkan hasil dapatan kajian di atas, ibu bapa mengetahui kepentingan penglibatan mereka secara aktif dapat membantu perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Selaras dengan kajian Paezah dan Faridah (2017) serta Raden et al. (2021) menyatakan penglibatan ibu bapa memainkan peranan penting pada peringkat awal kanak-kanak prasekolah di mana kanak-kanak memerlukan perhatian sepenuhnya dari semua aspek terutama dalam perkembangan kognitif. Kajian Aman et al. (2019) dan Cashman et al. (2021) turut menekankan bahawa penglibatan ibu bapa secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran anak dapat meningkatkan perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor kanak-kanak prasekolah.

Turut disokong dalam model penglibatan ibu bapa dalam elemen sukarelawan menekankan ibu bapa yang menjadi sukarelawan dalam aktiviti prasekolah secara tidak langsung dapat membantu dan mempermudah tugas guru prasekolah serta melancarkan perjalanan setiap aktiviti (Epstein, 2001). Bentuk sukarelawan tidak semestinya sebagai pembantu kepada guru prasekolah namun boleh menjadi pakar rujuk dalam bidang kepakaran tertentu. Ibu bapa boleh berkongsi kepakaran dalam bidang di luar kepakaran guru prasekolah (Epstein, 2018). Perkongsian ilmu secara tidak langsung dapat menambah ilmu pengetahuan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Bertentangan dengan kajian Hornby dan Blackwell (2018) serta Savacool (2011) yang menyatakan pelbagai cabaran dalam penglibatan ibu bapa secara tidak langsung telah menyekat penglibatan aktif mereka dalam pengajaran dan pembelajaran untuk perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Ibu bapa tidak dapat melibatkan diri dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah kerana kekangan tugas hakiki. Justeru ibu bapa perlu mengetahui kepentingan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah kerana ia akan membentuk suatu landasan kejayaan dalam kehidupan anak-anak (McDowell et al., 2018). Oleh itu, amat penting bagi ibu bapa untuk mengetahui peranan mereka dan kepentingan penglibatan ibu bapa yang positif demi masa depan yang cerah bagi anak-anak.

6. Cadangan

Kajian selanjutnya dicadangkan agar dapat meneroka isu ini menggunakan pendekatan kajian berlainan, penambahbaikan pada pembolehubah dan memilih kumpulan responden kajian yang terdiri daripada pelbagai peringkat. Kajian ini hanya memilih sebuah lokasi sebagai pusat kajian. Maka kajian selanjutnya dicadangkan membuat perbandingan di antara pusat

pendidikan awal kanak-kanak tempatan sama ada swasta atau negara lain untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih efektif. Kajian ini tidak boleh digeneralisasikan dalam lokasi lain justeru kajian selanjutnya turut dicadangkan agar dapat menghasilkan dapatan yang boleh digeneralisasikan bersama.

7. Kesimpulan

Banyak kajian telah dilaksanakan untuk mengkaji penglibatan ibu bapa dalam pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan kanak-kanak di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Namun, sejauh manakah ibu bapa mengetahui akan kepentingan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif anak mereka? Justeru kajian ini dilaksanakan untuk meninjau sejauh manakah ibu bapa mengetahui kepentingan penglibatan mereka dalam perkembangan kognitif kanak-kanak. Dalam masa yang sama ibu bapa perlu mengetahui kepentingan ikatan perhubungan yang positif antara mereka bersama dengan guru prasekolah yakni masing-masing memikul tanggungjawab yang sama serta memainkan peranan penting terhadap perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah (Bunujevac & Durisic, 2017; Cui et al., 2021; Dettmers et al., 2019; Fabio Manca & Federica Meluzzi, 2020).

Model penglibatan ibu bapa Epstein turut menyokong kajian ini yang melibatkan kesemua empat elemen yang dipilih yakni telah menunjukkan bagaimana ibu bapa memainkan peranan penting dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah (Epstein, 2018). Ibu bapa perlu peka terhadap kepentingan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif anak mereka terutama bagi anak-anak yang bersekolah di peringkat prasekolah. Paezah dan Faridah (2017) turut menekankan kanak-kanak memerlukan perhatian sepenuhnya daripada ibu bapa agar dapat membimbing dan mendidik mereka bagi membantu perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor mereka.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Terbuka Malaysia kerana memberikan sokongan untuk kajian ini.

Rujukan

- Aman, J., Babar Akram, M., Mas, S., Saud, M., & Nawaz Manj, Y. (2019). *Parental involvement for better education: The relationship between parental awareness, emotional support, and children's academic achievement at secondary level*. *Keterlibatan orang tua untuk pendidikan yang lebih baik: Hubungan antara kesadaran orang tua*, 32, 334–345.
- Bailey, T. (2017). *The impact of parental involvement on student success: school and family partnership from the perspective of students*. Kennesaw State University.
- Boonk, L., Gijssels, H., Ritzen, H., & Brand-Gruwel, S. (2018). A review of the relationship between parental involvement indicators and academic achievement. *Elsevier*. <https://doi.org/10.1016/j.edurev.2018.02.001>
- Boswell, J. W. (2021). *Parental involvement to support school choice for children transitioning from middle school to high school and beyond*. ST. John's University.
- Boyle, A. E., & Benner, A. D. (2020). Understanding parental educational involvement: The roles of parental general and child-specific school readiness beliefs. *Merrill-Palmer Quarterly*, 66(2), 199–226. <https://doi.org/10.13110/merrpalmquar1982.66.2.0199>
- Bunujevac, M., & Durisic, M. (2017). Parental involvement as a important factor for successful education. *CEPS Journal*, 7(3), 137–153.

- Bunujevac, M., Durisic, M., Đurišić, M. (2017). Parental involvement as a important factor for successful education. *CEPS Journal*, 7(3), 137–153. <https://www.cepsj.si/index.php/cepsj/article/view/291>
- Cashman, L., Sabates, R., Educational. (2021). Parental involvement in low-achieving children's learning: the role of household wealth in rural India. *Elsevier*. <https://doi.org/10.1016/j.ijer.2020.101701>
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah penyelidikan* (4th ed.). McGraw Hill.
- Creswell, W. J., & Creswell, J. D. (2018). Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches. In *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53(9). file:///C:/Users/Harrison/Downloads/John W. Creswell & J. David Creswell - Research Design_ Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (2018).pdf%0Afile:///C:/Users/Harrison/AppData/Local/Mendeley Ltd./Mendeley Desktop/Downloaded/Creswell, Cr
- Cui, Y., Zhang, D., & Leung, F. K. S. K. S. (2021). The influence of parental educational involvement in early childhood on 4th grade students' mathematics achievement. *Taylor & Francis*, 32(1), 113–133. <https://doi.org/10.1080/10409289.2019.1677131>
- Dettmers, S., Yotyodying, S., & Jonkmann, K. (2019). Antecedents and outcomes of parental homework involvement: How do family-school partnerships affect parental homework involvement and student outcomes? *Frontiers in Psychology*, 10(May). <https://doi.org/10.3389/FPSYG.2019.01048>
- Dighe, S., & Seiden, J. (2020). Understanding parental engagement in early childhood education in Ethiopia: perceptions, practices, and challenges. *International Journal of Early Childhood*, 52(1), 37–54. <https://doi.org/10.1007/s13158-020-00262-8>
- Epstein, J. L. (2001). Epstein's framework of six types of Involvement. *Center for the Social Organization of Schools*, 1(6). [https://www.unicef.org/lac/Joyce_L._Epstein_s_Framework_of_Six_Types_of_Involvement\(2\).pdf](https://www.unicef.org/lac/Joyce_L._Epstein_s_Framework_of_Six_Types_of_Involvement(2).pdf)
- Epstein, J. L. (2002). Epstein's model for parental involvement. *School, Family, and Community Partnerships: Your Handbook for Action*, 2002.
- Epstein, J. L. (2018). School, family, and community partnerships in teachers' professional work. *Journal of Education for Teaching*, 44(3). <https://doi.org/10.1080/02607476.2018.1465669>
- Fabio Manca, & Federica Meluzzi. (2020). *Strengthening online learning when schools are closed: The role of families and teachers in supporting students during the COVID-19 crisis*. https://read.oecd-ilibrary.org/view/?ref=136_136615-o13x4bkowa&title=Strengthening-online-learning-when-schools-are-closed
- Gibson, C. R. (2021). *A phenomenological study of parental involvement in COVID-19 schooling*.
- Hamlin, D., & Flessa, J. (2018). Parental involvement initiatives: An Analysis. *Educational Policy*, 32(5), 697–727. <https://doi.org/10.1177/0895904816673739>
- Hoover-dempsey, K. V. (2010). *The process of parental involvement. Panel 2*.
- Hornby, G., & Blackwell, I. (2018). Barriers to parental involvement in education: an update. *Educational Review*, 70(1), 109–119. <https://doi.org/10.1080/00131911.2018.1388612>
- Hughes, C., & Devine, R. T. (2019). For better or for worse? Positive and negative parental influences on young children's executive function. *Child Development*, 90(2), 593–609. <https://doi.org/10.1111/cdev.12915>
- Jackson, M. E. (2010). Where are the parents: The parent's perspective of parental involvement in education. In *ProQuest Dissertations Publishing*.

- <https://www.proquest.com/docview/205417174/2566CC5E4FCA4808PQ/2>
- Jezierski, S., & Wall, G. (2019). Changing understandings and expectations of parental involvement in education. *Gender and Education*, 31(7), 811–826. <https://doi.org/10.1080/09540253.2017.1332340>
- Joy Caño, K., Grace Cape, M., Mar Cardosa, J., Miot, C., Rianne Pitogo, G., & Mae Quinio Jewish Merin, C. (2016). Parental involvement on pupils' performance : Epstein'S framework. *The Online Journal of New Horizons in Education*, 6(4), 143–150. <https://www.tojned.net/journals/tojned/articles/v06i04/v06i04-16.pdf>
- Kamal, B., Humaer, Y., & Madihah, K. (2020). Challenges to parental involvement in children's education at a primary school: A rasch analysis. *IJUM Journal of Educational Studies*, 7(1), 47–57. <https://doi.org/10.31436/ijes.v7i1.243>
- Lara, L., & Saracostti, M. (2019). Effect of parental involvement on children's academic achievement in Chile. *Frontiers in Psychology*, 10(Jun). <https://doi.org/10.3389/FPSYG.2019.01464>
- Lee, A. (n.d.). Educating children during COVID-19 and beyond. *Cmp.Smu.Edu.Sg*. Retrieved September 3, 2021, from https://cmp.smu.edu.sg/sites/cmp.smu.edu.sg/files/pdf/14_AMI15_WalkThroughAsia.pdf
- Lim, S. P., & Wong, R. M. M. (2020). Parental involvement on child's education at home during school lockdown. *Journal.Unpak.Ac.Id*, 04, 192–196. <https://journal.unpak.ac.id/index.php/jhss/article/view/2502>
- Lorence, B., Hidalgo, V., Pérez-Padilla, J., & Menéndez, S. (2019). The role of parenting styles on behavior problem profiles of adolescents. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 16(15), 1–17. <https://doi.org/10.3390/ijerph16152767>
- Maldonado Torres, S. E. (2019). Demystifying Latinos parental involvement in school activities. *Journal of Latinos and Education*, 00(00), 1–7. <https://doi.org/10.1080/15348431.2019.1680375>
- Mandhu Sudharshan, R. (2019). Emotional and behavioural problems among children: Issues and trends in Malaysia. *Spaj.Ukm.My*, 12(1). <http://spaj.ukm.my/ijphr/index.php/ijphr/article/view/82>
- McDowell, K., Jack, A., & Compton, M. (2018). Parent Involvement in Pre-Kindergarten and the Effects on Student Achievement. *The Advocate*, 23(6). <https://doi.org/10.4148/2637-4552.1004>
- Mishra, A. (2018). *Indian heritage parents' strategies of parental involvement in support of their children's school and non-school learning in a multicultural context*. https://leicester.figshare.com/articles/thesis/Indian_Heritage_Parents_Strategies_of_Parental_Involvement_in_Support_of_their_Children_s_School_and_Non-School_Learning_in_a_Multicultural_Context/10207400
- Murillo, F. J., & Hernández-Castilla, R. (2020). Does parental involvement matter in children's performance? A Latin American primary school study. *Revista de Psicodidactica*, 25(1), 13–22. <https://doi.org/10.1016/j.psicod.2019.10.002>
- Núñez, J. C., Suárez, N., Rosário, P., Vallejo, G., Valle, A., & Epstein, J. L. (2015). Relationships between perceived parental involvement in homework, student homework behaviors, and academic achievement: differences among elementary, junior high, and high school students. In *Metacognition and Learning* (Vol. 10, Issue 3). <https://doi.org/10.1007/s11409-015-9135-5>
- Nusser, L. (2021). Learning at home during COVID-19 school closures—How do German students with and without special educational needs manage? *European Journal of Special Needs Education*, 36(1), 51–64. <https://doi.org/10.1080/08856257.2021.1872845>

- Oates, T. (2017). *Building effective parental involvement in middle schools: The Parents' perceptions* [Concordia University, Portland]. <https://commons.cu-portland.edu/edudissertations/41/>
- Onyema, E. M., Nwafor, C., & Sen, S. (2020). Impact of coronavirus pandemic on education. *Journal of Education and Practice*. <https://doi.org/10.7176/jep/11-13-12>
- Otani, M. (2020). Parental involvement and academic achievement among elementary and middle school students. *Asia Pacific Education Review*, 21(1). <https://doi.org/10.1007/s12564-019-09614-z>
- Paezah, A. H., & Faridah, Y. (2016). Pembelajaran kanak-kanak di prasekolah. *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Paezah, A. H., & Faridah, Y. (2017). Kepentingan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak di prasekolah. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 2017, 9. <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/pendidikan/14-PAEZH-ABD-HALIM.pdf>
- Poe, B. L. (2015). *New prairie press bringing awareness to the barriers causing the lack of parent involvement in the public schools*.
- Powell, D. R. (1991). *Strengthening parental contributions to school readiness and early school learning* (pp. 1–81). <http://files.eric.ed.gov/fulltext/ED340467.pdf>
- Pribesh, S. L., Carson, J. S., Dufur, M. J., Yue, Y., & Morgan, K. (2020). Family structure stability and transitions, parental involvement, and educational outcomes. *Social Sciences*, 9(12). <https://doi.org/10.3390/socsci9120229>
- Raden, R. D., Muhammad, C., Khoiruddin, B., Fitriah, M. S., Nadea Zhulfa, K., Diana, R. R., Chirzin, M., Bashori, K., Suud, F. M., & Khairunnisa, N. Z. (2021). Parental engagement on children character education : The influences of positive parenting and agreeableness mediated by religiosity. *Cakrawala Pendidikan*, 40(2), 428–444. <https://doi.org/10.21831/cp.v40i2.39477>
- Ribeiro, L. M., Cunha, R. S., Andrade E Silva, M. C., Carvalho, M., & Vital, M. L. (2021). Parental involvement during pandemic times: Challenges and opportunities. *Education Sciences*, 11(6). <https://doi.org/10.3390/educsci11060302>
- Sabaruddin, D. H., & Rosnidar, M. (2018). Parents involvement in improving character of children through mathematics learning. *Journal.Scadindependent.Org*, 6(1). <https://doi.org/10.26811/peuradeun.v6i1.178>
- Savacool, J. L. (2011). Barriers to parental involvement in the pre-kindergarten classroom. *Methodology*.
- Smetana, J. G. (2017). Current research on parenting styles, dimensions, and beliefs. *Current Opinion in Psychology*, 15, 19–25. <https://doi.org/10.1016/j.copsyc.2017.02.012>
- State University. (2021). Parental involvement in education: Research on parental involvement, effects on parental involvement, obstacles to parental involvement, controversies, current issues. In *Education Encyclopedia - StateUniversity.com*. <https://education.stateuniversity.com/pages/2309/Parental-Involvement-in-Education.html>
- Thomas, N., Baby, C., & Santhmayor, C. (2019). Parents' awareness of the importance of parent - child interaction for language development. *Global Scientific Journal*, 7(10), 1650–1671.
- Tran, A. (2019). *Application of the theory of planned behavior to explain parental involvement of immigrant and refugee populations in head start*. https://www.researchgate.net/profile/Anthony-Tran-18/publication/333226625_Application_of_the_Theory_of_Planned_Behavior_to_Explains_Parental_Involvement_of_Immigrant_and_Refugee_Populations_in_Head_Start



...tart/links/5ce34e8a92851c4eabb16382/Application-of-the-T
Yin, R. K. (2014). *Case study research: Design and methods*. SAGE Publications Inc.
https://doi.org/10.1111/j.1540-4781.2011.01212_17.x